

## **HUBUNGAN FAKTOR DALAMAN PENDERAAAN FIZIKAL TERHADAP KANAK-KANAK OLEH IBUBAPA**

*(Relation of Internal Factors that Contribute To Physical Child Abuse among Parents)*

*Noremy Md. Akhir, Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim,*

*M. Suhaimi Mohamad, Nazirah Hassan*

### **ABSTRAK**

Kanak-kanak merupakan sebahagian daripada masyarakat yang akan menyumbang kepada pembangunan negara dan aset sumber manusia pada masa akan datang. Oleh itu, kerajaan amat prihatin terhadap kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak. Namun begitu, masyarakat kini sering dikejutkan dengan pelbagai berita yang berkaitan dengan penderaan dan penganiayaan kanak-kanak. Hampir setiap hari akhbar Malaysia memaparkan kes penderaan melibatkan kanak-kanak. Isu yang lebih meruncing ialah kemerosotan institusi keluarga yang mengundang pelbagai impak yang menghalang dalam melahirkan masyarakat sejahtera dan penyayang. Objektif utama artikel ini adalah mengenalpasti ciri demografi dan latarbelakang pendera dan mengenalpasti punca penderaan fizikal kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa Melayu di negeri Selangor. Rekabentuk kajian adalah kualitatif, di mana seramai lapan (8) orang responden telah dipilih melalui persampelan bertujuan dan telah ditemu bual secara mendalam. Hasil kajian mendapati personaliti diri responden, pengetahuan agama yang lemah, tekanan yang dihadapi dalam kehidupan harian dan pengalaman trauma penderaan yang dialami sebagai faktor dalaman yang mendorong ibubapa melakukan penderaan fizikal terhadap anak mereka. Implikasinya, pekerja sosial, pegawai psikologi dan kaunselor perlu mengambil kira faktor-faktor ini dalam menyediakan intervensi dan rawatan untuk mereka yang terlibat dalam kes penderaan fizikal kanak-kanak. Dalam usaha melindungi kanak-kanak ini komitmen secara kolektif daripada pembuat dasar, pihak berkuasa, badan bukan kerajaan dan anggotamasyarakat amat diperlukan.

**Kata Kunci:** *Penderaan fizikal kanak-kanak, Faktor dalaman, Ibumama, Personaliti diri, Tekanan hidup, Trauma penderaan*

### **ABSTRACT**

Children are an integral asset for future development of a nation. In lieu with this notion, countries pay much attention to their development and wellbeing. In recent times, child abuse has been rampant. This issue is constantly making headlines in national newspapers in Malaysia. This article is an attempt to discover the contributory factors of physical child abuse in Malaysia. The objectives of this study were to identify the background and demography of abuser and to identify the real factor that causes a parent to abuse their child. This case study was conducted in Selangor amongst eight (8) Malay respondents. A qualitative approach was taken by using in-depth interview as a means of data collection. This study found that personal factors such as individual personality, lack of religious understanding and ethics, daily life stress and post abusive trauma were the major contributory factors to physical child abuse. The implication is that, professional such as social worker, psychologist and counselor should look into the internal factors that contribute to the physical child abuse in designing intervention, strategies to

overcome this problem. In future, protecting children needs collective effort from policy maker, authority body, non-government organization and member of society.

**Key words:** *Physical child abuse, Internal factor, Parent, Individual personality, Life stress Post abusive trauma.*

## **PENGENALAN**

Merujuk kepada Akta kanak-kanak 2001 di bawah Seksyen 2 Akta 611, ‘kanak-kanak’ didefinisikan sebagai seseorang yang berada di bawah umur 18 tahun. Manakala mengikut Seksyen 17(2), seorang kanak-kanak itu dikatakan sebagai telah didera dari segi fizikal jika terdapat kecederaan yang ketara dan boleh dilihat pada mana-mana bahagian tubuh kanak-kanak itu. Kecederaan ini boleh disebabkan oleh perbuatan kekerasan yang disengajakan terhadap tubuhnya. Kecederaan ini boleh dibuktikan antara lain dengan kewujudan laserasi, kontusi, lelasan, parut, patah atau kecederaan tulang yang lain, dislokasi, seliuh, pendarahan, pecah viskus, luka terbakar, melecur, hilang atau berubah kesedaran atau fungsi fisiologi seperti gugur rambut atau gigi. Bagi mereka yang telah melakukan kesalahan melakukan penderaan fizikal kanak-kanak di bawah seksyen 31 Akta 611 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang mempunyai pemeliharaan seorang kanak-kanak dan kemudiannya mendera atau mengabaikan, membuang atau mendedahkan kanak-kanak itu hingga dia mengalami kecederaan fizikal atau emosi ataupun menganiaya seks boleh dihukum penjara tidak lebih daripada 10 tahun atau denda tidak melebihi 20 ribu ringgit jika disabitkan dengan kesalahan (Jal Zabdi 2010).

Kes penderaan kanak-kanak semakin meningkat setiap tahun. Jumlah kes yang di laporkan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) telah meningkat sehingga mencapai 2,780 kes pada tahun 2008 (Rujuk Jadual 1). Walaubagaimanapun seperti kebanyakan negara lain, jumlah kes penderaan yang tepat adalah sukar diperolehi kerana masih terdapat banyak kes penderaan yang tidak dilaporkan atau gagal dikenalpasti oleh pihak berkenaan. Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat berlaku peningkatan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak dari tahun ke tahun bermula pada tahun 2001 sehingga 2008. Pada tahun 2002 berlaku peningkatan sebanyak 206 kes dilaporkan pada JKMM, diikuti dengan peningkatan 148 kes pada tahun 2003. Manakala sebanyak 266 kes terus meningkat pada tahun 2004 dan berlaku peningkatan sebanyak 144 dan 199 kes masing-masing pada tahun 2005 dan 2006. Pada tahun 2007 kes dilihat kian meningkat ke 280 kes berbanding jumlah kes pada tahun sebelumnya sehingga mencatat jumlah keseluruhan sebanyak 2,279 kes. Berdasarkan jadual 1, sebanyak 501 kes dilaporkan meningkat pada tahun 2008 dengan catatan keseluruhan sebanyak 2,780 kes. Ini menunjukkan isu ini semakin serius kebelakangan ini dan dijangka akan terus meningkat jika tindakan sewajarnya tidak diambil.

Jadual 1: Jumlah kes penderaan dan pengabaian yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia 2001-2008

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah</b>
2001	1, 036
2002	1, 242
2003	1, 390
2004	1, 656

2005	1, 800
2006	1, 999
2007	2, 279
2008	2, 780

Sumber: Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia 2008

Berdasarkan Jadual 2 didapati jenis penderaan tertinggi adalah penderaaan fizikal, keduanya penderaan seksual dan ketiganya pengabaian. Tiga kes ini mempunyai jumlah tertinggi berbanding penderaan jenis lain seperti penderaan emosi, pembuangan bayi dan sumbang mahram.

Jadual 2: Kes penderaan kanak-kanak mengikut jenis penderaan yang di laporkan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia 2001-2007

Jenis Penderaan	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007
Terdampar/buang bayi	70	121	98	26	68	53	63
Pengabaian	303	357	389	563	601	682	761
Fizikal	287	354	410	445	431	495	586
Seksual	251	324	430	529	566	670	754
Emosi	56	32	32	63	77	50	45
Sumbang mahram	69	54	31	30	57	49	70
<b>Jumlah</b>	<b>1, 036</b>	<b>1, 242</b>	<b>1, 390</b>	<b>1, 656</b>	<b>1, 800</b>	<b>1, 999</b>	<b>2, 279</b>

Sumber: Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia 2007

Manakala perbandingan statistik mengikut negeri menunjukkan Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Negeri Sembilan dan Johor mencatatkan jumlah kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak tertinggi di Malaysia (Rujuk Jadual 3). Atas dasar keperihatinan ini, kajian telah dijalankan di negeri Selangor memandangkan negeri ini merupakan negeri yang mencatat kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak yang tertinggi hampir setiap tahun bermula tahun 2001 sehingga 2008.

Jadual 3: Kes Penderaan Kanak-kanak Mengikut Negeri (2001-2008)

Tahun/Negeri	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008
Perlis	26	21	16	26	30	44	27	63
Kedah	33	39	63	26	66	102	54	153
Pulau Pinang	85	130	131	145	172	147	185	177
Perak	85	80	131	145	172	147	185	138
Selangor	327	412	368	474	446	498	816	949
K.Lumpur	127	269	153	287	415	354	444	595
N. Sembilan	39	40	55	67	124	147	171	209
Melaka	36	24	65	64	26	31	55	64
Johor	126	115	156	126	115	91	163	208
Pahang	25	27	8	38	56	91	46	108
Terengganu	24	20	17	33	16	41	23	48
Kelantan	24	11	31	51	14	8	19	30
Sarawak	65	36	176	144	189	180	41	30

Sabah	14	17	19	21	0	0	19	8
W.P Labuan	0	1	1	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>1,036</b>	<b>1,242</b>	<b>1,390</b>	<b>1,656</b>	<b>1,800</b>	<b>1,999</b>	<b>2,279</b>	<b>2,780</b>

Sumber: Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2008.

Pengkaji berpendapat disebabkan proses urbanisasi iaitu penghijrahan masyarakat ke bandar dan modenisasi iaitu proses perubahan dalam segala aspek kehidupan masyarakat menyebabkan berlakunya impak migrasi luar bandar sehingga wujudnya fenomena kemiskinan bandar. Impak pembangunan pantas ini menyebabkan wujud segelintir masyarakat tidak mampu mengikut arus kemodenan yang serba pantas sehingga mereka tercicir dan dibelenggu kemiskinan. Masalah kemiskinan bandar biasanya membabitkan persoalan pendapatan ekonomi yang rendah dan kesukaran untuk mendapat peluang kerja dan wang. Apabila berada dalam kesempitan hidup ini akan mendorong ibubapa bertindak di luar kawalan apabila berhadapan dengan masalah kewangan. Conger, Lorenz, dan Simons (2002) mendapati kekangan ekonomi yang dihadapi oleh ibu bapa dari sudut psikologi akan meningkatkan tekanan emosi di mana mereka dikatakan akan cepat meradang, marah serta cenderung untuk menyerang kanak-kanak apabila berada dalam keadaan tertekan. Ini disokong oleh satu kajian lain di mana tingkah laku ibu bapa dan status sosioekonomi adalah dilihat signifikan menyumbang kepada risiko penderaan di kalangan golongan ibu (Berger & Brooks-Gunn 2005). Manakala menurut Schuck dan Widom (2005) kebanyakan kes penderaan kanak-kanak boleh dijelaskan puncanya dengan melihat kepada faktor sosioekonomi terutamanya kadar kemiskinan yang tinggi di kalangan ibu bapa yang mempunyai anak yang ramai.

Selain daripada itu, kajian ini akan memfokuskan kepada ibu bapa Melayu memandangkan etnik Melayu dilaporkan merupakan etnik tertinggi yang terlibat dalam penderaan kanak-kanak diikuti etnik India, Cina dan lain-lain (Rujuk Jadual 4). Walaupun begitu, perbandingan statistik berdasarkan kaum/etnik perlu dilakukan berhati-hati memandangkan etnik Melayu merupakan populasi Malaysia yang paling ramai, justeru wujud kecenderungan kekerapan kes dilaporkan dalam kalangan etnik Melayu.

Jadual 4: Penderaan Dan Pengabaian Kanak-Kanak Mengikut Etnik Di Malaysia (2001-2008)

<b>Etnik</b>	<b>2001</b>	<b>2002</b>	<b>2003</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>
Melayu	622	803	887	1,045	1,116	1,378	1,606	1,962
India	194	226	186	257	263	248	318	441
Cina	151	161	188	224	245	219	248	299
Lain-lain	69	52	129	130	171	154	107	66
<b>Jumlah</b>	<b>1,036</b>	<b>1,242</b>	<b>1,390</b>	<b>1,656</b>	<b>1,800</b>	<b>1,999</b>	<b>2,279</b>	<b>2,780</b>

Sumber: Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2008

### **Objektif Kajian**

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk melihat faktor yang membawa kepada penderaan kanak-kanak di kalangan ibu bapa bangsa Melayu yang dikenalpasti mendera anak-anak mereka secara fizikal. Secara khususnya tujuan kajian adalah mengenalpasti latar belakang dan ciri demografi pendera yang melakukan penderaan fizikal terhadap kanak-kanak. Manakala objektif

kedua bagi kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor dalaman yang mendorong ibubapa Melayu melakukan penderaan fizikal terhadap anak-anak mereka.

### **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Pemilihan responden berdasarkan kaedah persampelan bertujuan di mana responden yang boleh memberi maklumat (data) mencukupi atau mendalam mengenai perkara yang sedang dikaji telah dipilih. Lapan (8) responden yang terdiri daripada ibu bapa Melayu yang terlibat dalam kes penderaan fizikal dalam kalangan kanak-kanak yang direkodkan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Langat, Selangor dikaji. Pemilihan responden adalah berdasarkan fail yang dirujuk oleh pengkaji di mana pengkaji telah dibenarkan membuka kesemua fail klien yang terlibat dengan kes penderaan kanak-kanak. Kemudian pengkaji hanya mengambil klien yang merupakan ibu bapa Melayu yang terlibat dalam kes penderaan fizikal kanak-kanak sahaja. Pengkaji kemudian mengadakan lawatan ke rumah klien dan temu janji untuk mengadakan sesi temu bual yang diadakan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Langat dipersetujui antara klien dan pengkaji. Tiga sesi temu bual telah dijalankan bagi setiap responden. Isu-isu berkaitan prosedur dan kerahsiaan data dan maklumat responden dijelaskan kepada setiap responden sebelum temubual dijalankan. Instrumen kajian ini menggunakan kaedah temu bual separa-berstruktur (*semi-structured interview*) yang dijalankan secara temu bual mendalam (*in-depth interview*). Kesemua data yang dirakam kemudiannya ditranskripkan di dalam bentuk skrip temu bual untuk dianalisis mengikut tema-tema yang diperolehi. Bagi memastikan penganalisan data dilakukan dengan lebih sistematik dan tepat, kaedah Analisis Tema (*Thematic Analysis*) digunakan. Melalui kaedah ini tema-tema yang terhasil bagi setiap persoalan kajian dipindahkan kepada satu jadual matrik mengikut persoalan dan responden kajian. Penggunaan jadual matrik ini akan memudahkan proses penganalisan data di samping membantu pengkaji membuat perbandingan tema-tema yang terhasil untuk setiap persoalan kajian bagi setiap responden.

Berikut adalah ringkasan latar belakang lapan (8) responden yang terlibat dalam kajian ini. Maklumat berkaitan responden diringkaskan berdasarkan Jadual 6 seperti berikut.

Jadual 6: Latar belakang Setiap Responden

<b>Responden (R)</b>	<b>Umur (Tahun)</b>	<b>Jantina</b>	<b>Pekerjaan</b>	<b>Tahap Pendidikan</b>	<b>Hubungan dengan mangsa dera</b>
R1	31	Perempuan	Suri rumah	STPM	Ibu tiri
R2	45	Perempuan	Kerani kilang	SPM	Ibu tiri
R3	34	Perempuan	Penjaja	SPM	Ibu Kandung
R4	38	Perempuan	Suri rumah	PMR	Ibu Kandung
R5	28	Lelaki	Tiada pekerjaan tetap	PMR	Bapa tiri
R6	36	Perempuan	Pengawal Keselamatan	PMR	Ibu kandung

R7	26	Perempuan	Suri rumah	STPM	Ibu tiri
R8	44	Lelaki	Pengawal Keselamatan	SPM	Bapa kandung

*Nota:* PMR = Penilaian Menengah Rendah,  
 SPM = Sijil Pelajaran Malaysia,  
 STPM = Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia

### HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati faktor dalaman individu merupakan faktor utama yang mendorong ibubapa melakukan penderaan fizikal terhadap anak mereka. Faktor dalaman merujuk kepada faktor yang melibatkan diri individu itu sendiri seperti personaliti diri, pengetahuan agama yang lemah, tekanan dalam kehidupan seharian, dan pengalaman trauma penderaan yang dialami oleh responden. Jadual 7 adalah hasil kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji berkaitan dengan faktor dalaman yang telah mendorong ibu bapa Melayu melakukan penderaan fizikal terhadap kanak-kanak dan ia diringkaskan seperti dalam jadual matrik berikut.

Jadual 7: Faktor Dalaman Mendorong Ibu bapa Mendera Kanak-kanak

Faktor	R1	R2	R3	R4	R5	R6	R7	R8
Personaliti diri	√	√		√	√	√	√	√
Pengetahuan agama yang lemah		√	√	√		√	√	√
Tekanan kehidupan			√	√	√	√	√	
Pengalaman truama penderaan								√

*Nota:* R = Responden

#### **Personaliti diri**

Atkinson (1993) mendefinisikan personaliti sebagai sifat atau cara seseorang berfikir, beremosi dan bertingkah laku. Seterusnya, ia mempengaruhi cara seseorang individu berinteraksi dengan persekitarannya. Berdasarkan temubual yang telah dijalankan, penulis mendapati personaliti diri telah mempengaruhi responden untuk bertindak memukul sehingga menimbulkan kecederaan fizikal kepada kanak-kanak. Sebanyak 87.5% mewakili tujuh daripada lapan responden mengaku mempunyai personaliti yang cenderung kepada tindakan agresif serta sukar mengawal perasaan ketika marah.

*“Saya mengaku yang saya pukul budak ni sebab saya ni dah semula jadi seorang yang panas baran, bengis dan cepat marah. Saya pantang kalo orang tak dengar cakap saya atau buat saya marah, memang nahas la saya keja kan, tak kira la anak ka, bini ka, mak bapak saya pun pernah kena marah dengan saya. Satu family dah faham perangai saya ni.”*

(Responden 5)

*“Kalo puan nak tahu saya ni memang jenis orang yang kasar sikit. Saya memang tak pandai nak manja-manjakan anak nanti diaorang naik kepala. Masa pukul tu saya mengaku saya ikut perasaan sebab terlalu marah dan saya ni pulak memang cepat melenting dan panas baran sikit. Kalo dengar anak saya buat hal memang saya pukul tak ingat dunia...bukan apa geram”*

(Responden 6)

Manakala bagi responden ketujuh (R7) pula, beliau mengaku seorang yang sangat tegas dalam mendidik anak tirinya. Sikapnya yang panas baran, garang dan bengis menyebabkan perwatakan dirinya ditakuti oleh anak tirinya. Sungguhpun begitu responden tidak menafikan bahawa sebelum ini ada memukul kanak-kanak kerana kurang sabar melayan kerenah mereka. Pada mulanya responden bertindak menjerit dan memarahi namun disebabkan mereka tidak mendengar kata maka beliau telah bertindak sehingga mencederakan kanak-kanak tersebut.

*“Saya memang seorang yang tegas dan panas baran. Mungkin cara saya yang kasar dalam mendidik dan mengajar anak tiri saya ni tak boleh diterima oleh ramai pihak. Saya ni pulak muda lagi, darah panas tu masih membuak-buak dalam diri ni.”*

(Responden 7)

Begitu juga dengan responden kelapan (R8), beliau menyatakan faktor yang mendorong beliau bertindak memukul sehingga mendatangkan kecederaan fizikal terhadap anak lelakinya itu adalah disebabkan oleh personaliti dirinya yang tidak gemar memberi muka kepada anak di samping memiliki sikap panas baran dan cepat naik angin. Tambahan pula responden mempunyai rekod tiga kali keluar masuk penjara kerana ditahan atas pelbagai kesalahan antaranya keganasan rumah tangga iaitu memukul isteri dan anak.

Penulis berpendapat kawalan emosi yang lemah adalah antara ciri personaliti ibu bapa yang terlibat dalam kes penderaan fizikal kanak-kanak. Menurut Thompson (1994) kawalan emosi didefinisikan sebagai proses ekstrinsik dan intrinsik yang mengawal, menilai dan bertindakbalas terhadap reaksi emosi terutamanya dalam mencapai sesuatu matlamat. Manakala Cloitre et al. (2002) menyatakan seseorang yang mempunyai kawalan emosi yang lemah adalah seorang yang kurang sabar, terlalu mengikut perasaan apabila bertindak, mudah berasa kecewa, tidak mampu untuk mengawal kemarahan, sukar untuk menenangkan diri dan membenarkan emosi seperti kemarahan menguasai dan mengawal tingkahlaku mereka. Ini dipersetujui oleh Simon dan Carey (2002) yang menyatakan ibu bapa yang terlibat dalam kes penderaan fizikal kanak-kanak sering menunjukkan kawalan emosi yang lemah seperti cepat marah dan berang, kurang bertenang apabila berhadapan dengan sesuatu masalah serta mempunyai kawalan tingkahlaku yang lemah.

Kajian terdahulu turut membuktikan bahawa potensi penderaan fizikal kanak-kanak mempunyai perkaitan dengan ciri-ciri personaliti keibubapaan seperti kurang bertindak balas terhadap emosi yang positif sebaliknya cenderung bertindak balas terhadap rangsangan emosi yang membangkitkan (Amdur et al. 2000), mempunyai tahap tekanan yang tinggi dan sering meluahkan atau mempamerkan emosi yang negatif (Orsillo et al. 2004) serta menunjukkan tingkahlaku berbentuk penindasan yang mengikut perasaan terhadap individu lain (Litz et al. 2000). Oleh itu penulis merasakan kurang kawalan emosi dikalangan ibu bapa mempunyai perkaitan dengan tingkahlaku agresif terhadap kanak-kanak sehingga berlakunya kes penderaan fizikal.

### ***Pengetahuan agama yang lemah***

Selain itu, kurang pengetahuan dan kefahaman agama juga merupakan faktor dalaman yang mempengaruhi ibu bapa Melayu terlibat dalam kes penderaan fizikal kanak-kanak. Ini kerana penulis merasakan didikan agama dan akhlak amat penting dalam membentuk akal, peribadi dan

kendiri seseorang individu itu. Hasil kajian menunjukkan 75% yang mewakili enam daripada lapan responden mengakui antara faktor mereka terlibat dalam kes penderaan fizikal kanak-kanak adalah disebabkan oleh kurangnya kefahaman agama dan akhlak Islamiah. Mereka mengaku sebagai beragama Islam namun tidak mengamalkan cara hidup Islam yang sebenarnya sehingga mengabaikan agama dalam mendidik anak-anak. Misalnya responden kedua (R2) membenarkan keganasan berlaku terhadap kanak-kanak. Walaupun responden mengakui bahawa Islam tidak pernah mengajar umatnya mendidik anak-anak dengan menggunakan kekerasan seperti memukul jauh sekali mencederakan mahupun mendera namun mengaku tidak mengikut landasan yang telah dinyatakan dalam agama Islam itu sendiri.

*“Bila bercakap soal agama, akak mengaku yang akak bukan seorang Islam yang sempurna. Akak sedar Islam tak pernah suruh umatnya didik anak dengan cara macam ni tapi kak memang susah nak didik ikut cara yang disarankan. Akak memang dah jenis macam ni, susah nak cakaplah dik...”*

(Responden 2)

*“Betol la kot sebab kurang didikan dan pengetahuan agama lah saya jadi macam ni. Orang yang macam saya ni selalu ikut hati dan tak rasional, tapi suami saya pun sama jugak tak sembahyang, tak puasa jugak. Dia pun salah jugak, kenapa tak bimbing saya? Itu saya jadi macam ni. Tapi btol la Islam tak pernah pun ajar umatnya didik anak macam apa yang saya buat ni. Iini bukan cara Islam, ini cara saya”*

(Responden 7)

Sebaliknya menurut responden ketiga (R3) beliau tidak mampu mengawal kesabaran diri dan melepaskan geram kepada anak dengan cara yang tidak sewajarnya dan tidak mengikut landas Islam iaitu memukul anak sehingga meninggalkan kesan lebam pada muka dan seluruh anggota badan di samping membakar kemaluan hadapan dan belakang kanak-kanak tersebut. Begitu juga dengan responden keempat (R4) yang mengaku kadangkala lebih cenderung untuk mengikut nafsu amarahnya apabila bertengkar dengan suami dan memukul anak hingga mendatangkan kecederaan fizikal yang teruk. Menurut Mohd Ridhuan (1994), manusia yang dikurniakan oleh Allah dengan akal, kini tidak lagi bertindak mengikut rasional. Tindak tanduk mereka tidak lagi bersandarkan akhlak tetapi mengikut hawa nafsu. Ianya disokong oleh Abdullah (1990), yang menyatakan peminggiran terhadap pendidikan agama menyebabkan ibu bapa hilang panduan dalam mengurus keluarga. Begitu juga sekiranya jiwa tidak dipupuk dengan keluhuran akhlak, maka mereka akan menjadi ketua keluarga yang hilang matlamat dan tidak mempunyai pegangan agama. Penulis berpendapat didikan agama menjadi faktor terpenting dalam membentuk keperibadian seseorang. Seandainya ibu bapa itu cukup didikan agamanya, maka baiklah peribadi dirinya terhadap anak dan keluarganya dan begitulah sebaliknya. Oleh itu, apabila ibu bapa kurang didikan agamanya, maka mereka akan terdorong untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan agama seperti melakukan penganiayaan dan kekejaman terhadap kanak-kanak.

### ***Tekanan kehidupan***

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, penulis mendapati tekanan yang dihadapi oleh responden telah mempengaruhi mereka bertindak memukul sehingga menimbulkan kecederaan fizikal kepada kanak-kanak. Seramai lima orang daripada lapan orang responden iaitu 62.5% menyatakan salah satu punca yang menyebabkan responden bertindak mendera kanak-kanak



adalah disebabkan oleh tekanan. Tekanan di sini merujuk kepada tekanan yang dihadapi oleh responden dalam kehidupan seharian mereka. Ia lebih kepada perasaan yang wujud dalam diri seseorang individu disebabkan oleh bebanan yang dipikul sehingga menyebabkan seseorang individu perlu bertindak kadang kala di luar kawalan diri bagi melepaskan tekanan dan bebanan yang dirasainya. Misalnya responden ketiga (R3) dan keenam (R6), yang merupakan ibu tunggal menyatakan mereka memukul anak kerana tertekan akibat memikul tanggungjawab keluarga dalam mengurus rumah tangga dan anak-anak yang semakin membesar dalam kehidupan yang kian mencabar selepas diceraikan oleh suami masing-masing.

*“Saya bukan sengaja nak pukul dia tapi puan kenalah faham saya ni ibu tunggal...banyak tanggungjawab nak kena pikul dan nak kena fikir, saya lah mak...saya lah bapak...kadang-kadang saya tertekan dengan banyak masalah, macam-macam puan...fikir duit lah, makan pakai anak-anak, fikir masa depan anak-anak lah semuanya atas bahu saya. Kadang-kadang hilang sabar jugak, tu yang jadi macam ni.”*

(Responden 3)

*“Saya ni banyak fikir tentang keluarga dan pikul tanggungjawab. Sejak dua tahun yang lepas, selepas bercerai dengan suami.. hidup saya memang banyak masalah. Satu-satu masalah datang, tak tertanggung rasanya..memang tertekan. Bila dah tak tertanggung ni yang jadi macam ni, tambah-tambah bila diaorang buat hal. Diaorang ni bukan faham perasaan saya, menambah tekanan lagi adalah..asyik bawa masalah ja, tertekan saya dibuatnya”*

(Responden 6)

Sebaliknya bagi responden ketujuh (R7) pula, beliau menyatakan faktor yang mendorong beliau bertindak memukul sehingga mendatangkan kecederaan fizikal terhadap anak tirinya adalah disebabkan oleh tekanan peribadi yang dihadapinya. Beliau mengaku tertekan dengan alasan tidak bekerja dan berkahwin di usia muda. Responden mengaku berkahwin pada usia muda dengan seseorang yang sudah berusia dan memiliki anak secara *express* hasil perkahwinan suaminya dengan bekas isteri turut menjadi punca berlakunya kejadian seperti ini. Beliau berkahwin pada usia awal 20-an dan suaminya pula berusia 40 tahun dan kedua-dua anak tirinya berusia 15 dan 10 tahun. Selain daripada itu, walaupun sudah tiga tahun mendirikan rumah tangga bersama suaminya beliau masih belum dikurniakan anak hasil perkahwinannya dengan suami, ini juga memberi satu tekanan buatnya yang berkeinginan untuk memiliki anak kandung hasil perkahwinannya itu. Tekanan tersebut secara tidak langsung telah memberi kesan kepada anak-anak tirinya sehingga menjadi mangsa dera.

Kajian yang dijalankan oleh Haskett et al. (2006) di mana bagi menentukan sama ada seseorang ibu bapa itu berisiko untuk menjadi seorang pendera atau pun sebaliknya, maka tahap tekanan yang dihadapi oleh ibu bapa akan diukur di mana mereka yang mempunyai tahap tekanan yang tinggi dilihat sebagai berpotensi untuk terlibat dalam kes penderaan fizikal kanak-kanak. Holden dan Ritchie (1991) berpendapat tekanan memberi kesan negatif terhadap ciri keibubapaan dan ia boleh mempengaruhi ibu bapa bertindak di luar kawalan sekiranya tidak dapat mengawal tekanan yang dihadapi. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Shawna et al. (2008), mereka telah menggunakan kerangka ekologi untuk melihat risiko berlakunya penderaan fizikal dengan meramalkan faktor demografi, faktor persekitaran dan juga aspek psikososial seperti tahap tekanan yang dihadapi oleh ibu bapa bagi melihat risiko kepada berlakunya penderaan fizikal terhadap kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa. Hasil kajian mereka telah membuktikan tekanan yang dihadapi oleh ibu bapa mempunyai perkaitan yang kuat

dengan masalah penderaan fizikal kanak-kanak. Ini juga bertepatan dengan Model Tekanan Persekitaran di mana persekitaran merupakan faktor terbesar yang memberi tekanan kepada seseorang individu.

*The Child Abuse Potential (CAP) Inventory* telah dibina oleh Joel S. Milner di Utara Amerika untuk mengenal pasti potensi penderaan fizikal kanak-kanak di mana salah satu faktor yang diukur adalah aspek psikologikal iaitu tekanan yang dihadapi oleh ibu bapa (Chan et al.2006). Sebagai tambahan, beberapa pengkaji bersetuju kesahihan kajian melaporkan CAP menunjukkan wujud perkaitan yang kuat di antara tahap tekanan individu dengan penderaan fizikal kanak-kanak (Haskett et al. 1995).Pelbagai kajian telah menunjukkan wujudnya hubungan di antara tekanan dan penderaan fizikal kanak-kanak. Garbarino dan Gilliam (1980) pula menekankan bahawa pengurusan tekanan yang tidak berkesan oleh ibu bapa adalah merupakan faktor utama menyebabkan berlakunya kes penderaan fizikal dikalangan kanak-kanak. Oleh itu, kajian empirikal menyokong hubungkait persepsi tentang pengurusan tekanan dengan masalah psikososial seperti tekanan sehingga ia dianggap sebagai faktor peyumbang kepada berlakunya penderaan kanak-kanak di kalangan ibu bapa (Guterman 2001).

Oleh itu, penulis merumuskan tekanan yang dihadapi oleh responden walaupun dengan pelbagai alasan tetap merupakan antara faktor yang mendorong seseorang ibu bapa terlibat dalam penderaan fizikal kanak-kanak. Ini kerana apabila berada dalam keadaan tertekan seseorang individu tidak boleh berfikir secara rasional lalu bertindak mengikut emosi dan perasaan. Teori Freud menyatakan, tekanan hidup yang serius dihadapi oleh manusia menyebabkan ia diekspresikan melalui perlakuan mengejut dan luar biasa seperti memukul anak sehingga mendatangkan kecederaan fizikal.

### ***Pengalaman trauma penderaan***

Selain daripada itu, pengalaman zaman silam responden telah memberi impak penderaan. Berdasarkan dapatan kajian terdapat seorang daripada lapan orang responden iaitu 12.5% menyatakan salah satu punca yang menyebabkan responden bertindak mendera kanak-kanak adalah disebabkan oleh pengalaman trauma penderaan yang dilaluinya. Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, responden kelapan (R8) mengaku pernah didera secara fizikal oleh bapa dan pengalaman ini telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada kognisinya. Beliau menganggap ia bukan merupakan satu kesalahan memukul anak walaupun meninggalkan kesan fizikal kerana baginya apa yang dilalui wajar dirasai oleh anaknya sebagai satu pengajaran untuk meniti kehidupan yang mendatang. Ini dinyatakan oleh responden seperti mana dalam petikan temu bual berikut.

*“Apa yang anak saya kena ni terlalu sikit ja puan jika nak dibandingkan time saya dulu. Bapak saya lagi dahsyat, boleh kata kalo salah sikit ja mesti kaki tangan naik. Kata bapak saya kalo tak ajar dari awal, nanti dah besar tak jadi manusia. Saya nak anak saya rasa macam mana saya rasa dulu.”*

(Responden 8)

Menurut Ehrensaft et al. (2003), tanda-tanda mereka yang berisiko tinggi menjadi seorang pendera adalah mempunyai pengalaman menjadi saksi kepada keganasan yang dilakukan oleh ibu bapa atau menjadi mangsa penderaan fizikal ibu bapa itu sendiri. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Straus et al. (1980) iaitu apabila menjadi mangsa penderaan atau pernah melalui pengalaman berlakunya keganasan keluarga dalam kehidupan sendiri maka

potensi untuk mengulangi perbuatan yang sama adalah lima kali ganda berbanding mereka yang tidak mempunyai pengalaman sedemikian sewaktu kecil seperti mana yang dinyatakan dalam Model Pembelajaran Sosial. Ini disokong pula oleh kajian Caetano et al. (2000) yang mendapati pengalaman menjadi mangsa keganasan rumah tangga sewaktu kecil meningkatkan risiko dan potensi untuk menjadi seorang pendera dalam keluarga di Latino. Manakala Aldarono et al. (2002) mendapati peratusan yang tinggi dikalangan ibu bapa di Mexico mempunyai pengalaman terlibat dalam keganasan rumah tangga telah mendorong mereka menjadi pendera apabila dewasa dan seterusnya terlibat dalam kes penderaan fizikal kanak-kanak.

Selain itu, Straus (1994) telah menganalisis '*National Family Violence surveys (NFVS)*' iaitu satu tinjauan yang dijalankan diperingkat kebangsaan berkaitan keganasan keluarga pada tahun 1985. Hasil analisis yang dilakukan oleh beliau mendapati ibu bapa yang pernah didera oleh ibu bapa mereka sewaktu kecil mempunyai 71 peratus potensi untuk memukul anak-anak mereka. Manakala ibu bapa yang tidak pernah dipukul sewaktu kecil mempunyai 48 peratus kemungkinan untuk berbuat demikian. Pengkaji berpendapat pengalaman trauma penderaan zaman silam yang dialami oleh ibu bapa ini mempunyai perkaitan yang positif dengan hubungan konflik keluarga, tahap tekanan yang tinggi dan status ekonomi keluarga yang rendah. Sebaliknya Klevens et al. (2000) mendapati mereka yang menerima asuhan dan didikan daripada persekitaran keluarga yang positif akan lebih resilien berbanding mereka yang pernah menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Oleh itu, Runyon et al. (2004) mencadangkan untuk memperbaiki hubungan di antara ibu bapa dan anak dalam keluarga yang mempunyai sejarah atau pengalaman trauma penderaan maka terapi kognitif tingkahlaku (*cognitive-behavioral therapy*) akan digunakan. Bagi penulis pendekatan kognitif tingkahlaku mengambil kira pertimbangan pemikiran ibu bapa yang menjadi perantara di antara tindakan dan emosi terhadap anak-anak mereka.

Oleh yang demikian, penulis melihat bahawa pengalaman trauma penderaan yang dilalui oleh responden juga merupakan salah satu faktor yang mendorong mereka memukul anak-anak sehingga tanpa disedari berlaku penderaan fizikal terhadap kanak-kanak.

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Artikel ini telah merumuskan kajian yang telah dijalankan ke atas lapan (8) orang responden yang terdiri daripada ibu bapa Melayu yang terlibat dalam kes penderaan fizikal terhadap kanak-kanak. Hasil temu bual secara mendalam yang dijalankan pengkaji mendapati faktor dalaman individu merupakan faktor utama yang mendorong seseorang itu melakukan penderaan fizikal terhadap kanak-kanak. Faktor dalaman yang dimaksudkan adalah personaliti diri individu itu sendiri seperti panas baran, cenderung bertindak di luar kawalan, garang, dan mempunyai kawalan emosi yang lemah seperti kurang sabar, terlalu mengikut perasaan apabila bertindak, mudah berasa kecewa dan tidak mampu untuk mengawal kemarahan. Faktor dalaman kedua adalah pengetahuan agama yang lemah. Responden mengaku kurangnya didikan dan pegangan agama sedangkan didikan agama amat penting dalam membentuk akal dan peribadi seseorang individu itu. Seterusnya adalah tekanan yang dihadapi oleh responden dalam kehidupan seharian mereka. Antaranya tekanan akibat bebanan yang dipikul sebagai ibu tunggal, tertekan dengan sikap pasangan dan anak-anak, tertekan kerana tidak bekerja, tertekan kerana berkahwin awal dan tertekan kerana tidak mempunyai anak hasil perkahwinan dengan pasangan. Dan faktor dalaman yang terakhir adalah pengalaman zaman silam responden telah memberi impak

penderaan di mana responden mengaku telah didera secara fizikal oleh bapanya dan pengalaman ini telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada kognisi mereka. Responden menganggap ia bukan merupakan satu kesalahan memukul anak sehingga meninggalkan kesan fizikal kerana baginya apa yang dilaluinya wajar dirasai oleh anaknya.

Memandangkan isu penderaan fizikal kanak-kanak merupakan salah satu penyakit sosial yang kian hangat diperkatakan, maka kajian seumpama ini diharap sedikit sebanyak dapat membantu dalam menangani masalah yang dianggap kian meruncing ini. Faktor-faktor yang telah dikenal pasti ini diharap dapat menjadi panduan kepada pihak bertanggungjawab serta membuka mata setiap pihak agar masalah penderaan fizikal kanak-kanak ini dapat dibanteras secara holistik dengan kaedah yang berkesan. Oleh itu pekerja sosial perlu mengambil kira faktor-faktor ini dalam menyediakan intervensi dan rawatan untuk kanak-kanak dan ibubapa yang terlibat dalam kes penderaan fizikal kanak-kanak.

Implikasi kajian adalah pencegahan mengenai isu penderaan fizikal perlu mengambil kira dan melihat kepada faktor dalaman seperti personaliti diri, pengetahuan agama yang lemah, tekanan dan pengalaman trauma penderaan yang menyumbang atau mendorong kepada seseorang ibu bapa melakukan penderaan fizikal terhadap anak mereka. Penderaan fizikal yang berlaku kepada kanak-kanak menunjukkan runtuhnya nilai kasih sayang dalam sesebuah institusi keluarga. Ia secara tidak langsung melemahkan hasrat negara dalam usaha mencapai Wawasan 2020 di mana salah satu sembilan cabaran Wawasan 2020 adalah memupuk kasih sayang dalam membentuk sebuah keluarga dan masyarakat yang penyayang. Oleh itu, kanak-kanak perlu dilindungi daripada sebarang bentuk bahaya termasuk semua jenis penyeksaan, penderaan, diskriminasi dan eksploitasi. Ini kerana kesejahteraan kanak-kanak sebagai modal insan akan tergugat akibat menjadi mangsa penderaan mereka yang tidak bertanggungjawab. Lindungilah hak asasi kanak-kanak kerana mereka adalah pewaris negara yang bakal menerajui masa depan sosial, politik dan ekonomi negara.

## **RUJUKAN**

- Abdullah, N. U. 1990. *Pedoman pendidikan anak-anak dalam Islam*. Selangor: Klang Book Store.
- Amdur, R. L., Larsen, R. L., & Liberzon, I. 2000. Emotional processing in combat-related posttraumatic stress disorder: A comparison with traumatized and normal controls. *Journal of Anxiety Disorder*, 14(3), 219-238.
- Atkinson, R.L. 1993. *Introduction to psychology*. New York, NY: Harcourt Braco.
- Aldarono, E., Kaufman Kantor, G., & Jasinski, J. 2002. Risk marker analysis of wife assault in Latino families. *Violence Against Women*, 8 (4), 429-454.
- Berger, L., & Brooks-Gunn, J. 2005. Socioeconomic status, parenting knowledge and behaviors and perceived maltreatment of young low-birth-weight children. *The Social Service Review*, 79 (2), 237-268.

- Chan, Y.C., Gladys, L. T., Lam, P.K.R., & Moon, T. E. S. 2006. Confirmatory factor analysis of the Child Abuse Potential Inventory: Results based on a sample of Chinese mothers in Hong Kong. *Child Abuse & Neglect*, 30, 1005-1016.
- Caetano, R., Schafer, J., Clark, C. L., Cunradi, C. B., & Raspberry, K. 2000. Intimate partner violence, acculturation, and alcohol consumption among Hispanic couples in the United States. *Journal of Interpersonal Violence*, 15 (1), 30-45.
- Cloitre, M., Koenen, K. C., Cohen, L. R., & Han, H. 2002. Skill training in affective and interpersonal regulation followed by exposure: A phase based treatment for PTSD related to childhood abuse. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 70, 1067-1074.
- Conger, R., G. X., Lorenz, F., & Simons, R., 2002. Economic stress, coercive family process and developmental problems of adolescents. *Child Development*, 65 (2), 541-562.
- Ehrensaft, M. K., Cohen, P., Brown, J., Smailes, E., Chen, H., & Johnson, J. G. 2003. Intergenerational transmission of partner violence: A 20 year prospective study. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 71 (4), 741-753.
- Garbarino, J., & Gilliam, G. 1980. *Understanding abusive families*. Lexington, MA: Lexington Books.
- Guterman, N. B. 2001. *Stopping child maltreatment before it starts: Emerging horizons in early home visitation services*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Haskett, M. E., Ahern, L. S., Ward, C. S., & Allaire, J. C. 2006. Factor structure and validity of the parenting stress index. *Journal of Clinical Child and Adolescent Psychology*, 35(2), 302-312.
- Haskett, M. E., Scott, S. S., & Fann, K. D. 1995. Child Abuse Potential Inventory and parenting behaviour: Relationships with high-risk correlates. *Child Abuse & Neglect*, 19, 1483-1495.
- Holden, G. W., & Ritchie, K. L. 1991. Linking extreme marital discord, child rearing and child behavior problems: Evidence from battered women. *Child Development*, 62, 31-327.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. 2008. *Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Bahagian penerbitan JKMM.
- Jal Zabdi, M. Y. 2010. *Jenayah keganasan rumah tangga* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Klevens, J., Restrepo, O., & Roca, J. 2000. Some factors for explaining resilience among young men in Colombia. *Revista de Salud Publica*, 2 (2), 165-172.
- Litz, B. T., Orsillo, S. M., Kaloupek, D., & Weathers, F. 2000. Emotional processing in posttraumatic stress disorder. *Journal of Abnormal Psychology*, 109(1), 26-39.
- Mohd Ridhuan, T. 1994. *Membina kualiti umah: Asas-asas masyarakat cemerlang*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Orsillo, S. M., Batten, S. V., Plumb, J.J., Luterek, J.A., & Roessner, B. M. 2004. An experimental study emotional responding in women with posttraumatic stress disorder related to interpersonal violence. *Journal of Traumatic Stress*, 17, 241-248.
- Runyon, M. K., Deblinger, E., Ryan, E. E., & Thakkar-Kolar, R. 2004. An overview of child physical abuse: Developing an intergrated parent-child cognitive behavioral treatment approach. *Trauma, Violence & Abuse*, 5, 56-85.
- Schuck, A., & Widom, C. 2005. Understanding the role of neighborhood context in the long term criminal consequences of child maltreatment. *American Journal of Community Psychology*, 36 (3/4), 207-222.
- Shawna J. L., Neil B. G., & Yookyong, L. 2008. Risk factors for paternal physical child abuse. *The International Journal of Child Abuse and Neglect*, 32, 846-858.
- Simon, J. S., & Carey, K.B. 2002. Risk and vulnerability for marijuana use problems: The role of affect dysregulation. *Psychology of Addictive Behaviors*, 16, 72-75.
- Straus, M. A. 1994. *Beating the devil out of them: Corporal punishment by parents and its effects on children*. New York, NY: Lexington Books.
- Straus, M. A., Gelles, R. J., & Steinmetz, S. K. 1980. *Behind closed doors*. Newbury Park, CA: Sage.
- Thompson, R. A. 1994. Emotional regulation: A theme in search of definition. In N. A. Fox (Ed.), *The development of emotion regulation: Biological and behavioral consideration*, 25-52. New York, NY: Penguin.

Noremy Md. Akhir,  
 Pusat Psikologi dan Pembangunan Manusia,  
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
 43600, UKM Bangi  
 noremy@ukm.my